

# Onn Ismail kesal tidak dapat ziarah jenazah Sulaiman

UM - 8 JUL 2005

SUBANG JAYA 7 Julai – Timbalan Pengerusi Tetap UMNO, Datuk Seri Onn Ismail melahirkan rasa kesal kerana tidak dapat menziarah jenazah Allahyarham Tun Sulaiman Ninam Shah yang meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai, Kuala Lumpur pagi kelmarin, kerana beliau sendiri sedang menjalani rawatan di hospital.

Menurut Onn, dia tidak dapat berbuat demikian kerana dimasukkan ke Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) sejak 2 Julai lalu bagi nrenjalani rawatan mengeluarkan ketumbuhan pada saluran punji kencingnya.

“Yang memilukan saya ialah tidak dapat berada di sisi Allahyarham di saat-saat akhir Tun meninggalkan kita.

“Sepatutnya sebagai timbalannya, saya ada bersama tetapi apakan daya, saya pun sedang terlantar menerima rawatan,” katanya di sini hari ini.

Onn berkata, kali tera-

“Allahyarham berkali-kali mengucapkan terima kasih kerana saya telah melaksanakan tugas ketika perhimpunan agung itu,” katanya.

Tambahnya, sehari sebelum Perhimpunan Agung UMNO iaitu 18 Jun, dia juga ada menemui Allahyarham di rumah anaknya di Petaling Jaya bagi memohon keizinan dan restu untuk melaksanakan tugas di perhimpunan tersebut.

“Allahyarham telah memberikan panduan, pesanan dan petua bagaimana untuk mengendalikan perhimpunan itu dengan baik dan dihormati.

“Ketika itu Tun turut mendoakan agar perhimpunan itu berjalan dengan baik dan meminta saya menyampaikan salamnya kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan perwakilannya semua,” katanya.

akhir dia bertemu Allahyarham Sulaiman ialah pada 22 Jun lalu di Pusat Perubatan Pantai bagi melaporkan segala perjalanan Perhimpunan Agung UMNO yang telah selesai baru-baru ini.

Katanya, Allahyarham menerima perkara yang dilaporkan itu dengan tenang, puas hati dan membayangkan rasa bangganya dengan perjalanan perhimpunan agung tersebut.